



Kenapa perlu passport

APA itu petpassport? Petpassport adalah projek Jabatan Veterinar di dalam mendaftarkan haiwan kesayangan oleh pemiliknya di dalam satu sistem maklumat.

Haiwan seperti kucing akan dimasukkan mikrochip di bawah kulit. Mikrochip ini mengandungi nombor pendaftaran haiwan dan pengenalan ini adalah kekal. Ia adalah tanda pengenalan haiwan itu.

Pengarah Hospital Veterinar Kuala Lumpur, Dr Mas Ayu Suraya Rahman, berkata tujuan petpassport dibangunkan adalah bagi mendokumenkan pendaftaran haiwan kesayangan dengan Jabatan Veterinar Malaysia.

Selain itu ia sebagai alat untuk sistem daya jejak (traceability) atau lebih dikenali sebagai 'Lost and Found'. Ia juga turut memudahkan pemilik haiwan menyimpan maklumat haiwan serta rawatan di dalam satu buku petpassport. Ia juga memudahkan permohonan permit membawa haiwan kesayangan keluar negara dan memudahkan kerajaan mengenal pasti populasi haiwan kesayangan (bancian).

Petpassport juga menjadi satu syarat bagi permohonan lesen pemeliharaan anjing oleh sesetengah pihak berkuasa tempatan dan kerajaan (pihak berkuasa veterinar) sedang berusaha meningkatkan tahap kesedaran umum untuk memupuk sikap tanggungjawab, khususnya pemilik haiwan bagi mengurangkan serta mengelakkan kes penderaan, penganiayaan serta pengabaian haiwan.

Petpassport kini memasuki fasa kedua iaitu pembangunan portal petpassport. Portal ini membolehkan

kan pemilik haiwan mendaftarkan masuk untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung haiwan kesayangan seperti maklumat baka, kesihatan dan umur.

"Buat masa ini petpassport dilakukannya ke atas kucing, anjing, arnab serta kuda saja. Bagaimanapun akan diperluaskan penggunaan di masa hadapan. Petpassport mula diperkenalkan pada tahun 2009 lagi.

"Bagaimanapun masih ramai yang belum tahu akan keperluan petpassport ini sebab mereka fikir, petpassport semata-mata dokumen untuk ke luar negara. Oleh yang demikian jabatan kami giat menjalankan promosi petpassport bersama Kelab Kucing Malaysia bagi memperkenalkan petpassport kepada orang awam," katanya.

Sehingga Jun 2012 lebih seribu petpassport telah dikeluarkan. Jika dibandingkan dengan sistem pendaftaran haiwan di negara luar, sistemnya adalah sama seperti petpassport namun begitu petpassport digunakan dengan lebih meluas dan menjadi satu syarat utama pemindahan haiwan kesayangan di dalam dan ke luar negara.

Petpassport boleh dibuat di semua jabatan perkhidmatan veterinar negeri di seluruh negara. Terdapat juga 11 klinik swasta yang dilantik sebagai pendaftar haiwan kesayangan (PETPASSPORT) namun kebanyakannya berada di Kuala Lumpur.



INFO

Tulang selangka

⊙ Tidak memiliki collarbone, sehingga memungkinkan masuk melewati ruang selear kepalanya.

⊙ Kelenturan tubuh kucing sangat menakjubkan, kaki depannya dapat diputar ke segala arah dan setengah bahagian tubuhnya dapat bergerak ke arah yang berlawanan.

⊙ Pendengaran kucing lebih sensitif daripada manusia dan anjing.

⊙ Kucing memiliki mata terbesar dibandingkan dengan mamalia lainnya (dalam hubungannya dengan saiz tubuh)

⊙ Tidak dapat melihat pada kegelapan tanpa sebarang cahaya, akan tetapi ketajaman matanya pada malam hari sangat baik.

⊙ Kucing itu nokturnal, bermakna ia bersifat tidak berapa aktif pada waktu siang dan aktif pada waktu malam.

⊙ Boleh pulang semula ke rumah walaupun ditinggalkan beberapa kilometer dari rumah.

⊙ Kucing tidak berpeluh.

⊙ Boleh melompat sehingga tujuh kali ketinggian tubuhnya

⊙ Mempunyai memori

yang lebih baik dari haiwan lain seperti anjing, monyet dan orang utan.

⊙ Ada aura menenangkan di mana kajian mendapati jika seseorang memegang kucing dan membelainya, tekanan darah akan menurun dan denyut jantung kembali normal.

INFO

Jumlah Petpassport yang dikeluarkan terhadap haiwan sehingga Jun 2012:

- ⊙ Kucing - 967
- ⊙ Anjing - 637
- ⊙ Kuda - 89
- ⊙ Arnab - 6

⊙ Jumlah 1582